



PEMAKLUMAN AM 2/2024

MAKLUMAT ATAU BUTIRAN LAIN BERKAITAN PERANCANG BANDAR SISWAZAH BERDAFTAR, PERANCANG BANDAR BERDAFTAR, PERAKUAN PRAKTIS DAN PERTUBUHAN PERBADANAN.

1. Setiap permohonan perakuan pendaftaran baharu atau pembaharuan perakuan pendaftaran bagi Perancang Bandar Siswazah berdaftar, Perancang Bandar berdaftar, Perakuan Praktis dan Pertubuhan Perbadanan hendaklah mengisi maklumat atau butiran lain seperti mana yang telah ditetapkan oleh Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM).
2. Menjadi tanggungjawab setiap Perancang Bandar Siswazah berdaftar, Perancang Bandar berdaftar, Perakuan Praktis dan Pertubuhan Perbadanan bagi memastikan maklumat atau butiran lain tersebut adalah yang **BENAR, TEPAT, LENGKAP, TIDAK MENGELIRUKAN** dan **TERKINI** dengan mengambil kira maksud, termasuklah apa-apa maksud yang berhubungan secara langsung, yang baginya maklumat itu dikumpulkan dan diproses selanjutnya oleh LPBM.
3. LPBM sentiasa memastikan maklumat atau butiran lain yang dibekalkan oleh Perancang Bandar Siswazah berdaftar, Perancang Bandar berdaftar, Perakuan Praktis dan Pertubuhan Perbadanan hanya untuk urusan LPBM sahaja terutamanya bagi tujuan komunikasi seperti alamat, e-mel dan nombor telefon bimbit.
4. Perancang Bandar Siswazah berdaftar, Perancang Bandar berdaftar, Perakuan Praktis dan Pertubuhan Perbadanan hendaklah dengan **kadar segera** memaklumkan kepada Urus Setia LPBM jika terdapat mana-mana perubahan kepada maklumat atau butiran lain yang telah dibekalkan sebelum ini.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,

TPr ZAMIRZAN BIN PUJI
Pendaftar
Lembaga Perancang Bandar Malaysia

1 Februari 2024